

**BORANG PERMOHONAN
 FESTIVAL INOVASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) 2024**

BAHAGIAN 1 : DEMOGRAFI INDIVIDU / KUMPULAN

PERKARA	BUTIRAN YANG PERLU DIISI DAN DILENGKAPKAN OLEH PEMOHON		
KETUA KUMPULAN	NAMA : SHAMSUL AZLI BIN SHAMSURAY JAWATAN : Kumpulan A dan JUSA : 41 ke atas NO. PEKERJA : 10538 EMEL : shamsulazli@utm.my NO. TEL. BIMBIT : 0177523803		
MAKLUMAT AHLI KUMPULAN (senarai semua nama ahli Kumpulan (sama sepertimana dalam Kad Pengenalan))	NAMA AHLI KUMPULAN	KOD JAWATAN	NO PEKERJA/MATRIK
	RAIHAN BINTI ABD KARIM	NA44A	13543
	ARMAN BIN MD YASIN	NA52A	8801
	RAIHANUDDIN BIN ABD JALIL	NA22L	11613
	AFIDATUL HANUM BINTI SOFIAN SURI	NA19A	11568
	NOR AMELIA BINTI YUHARMON	NA19E	16499
	NOR ANIZAH BINTI OTHMAN	NA19A	12031
	NAZRATUL HAZIRAH BINTI RUSHDAN	NA32A	12347
	NORLIN BINTI MOHAMAD A'DANAN	NA19A	13631
TAJUK PROJEK YANG DICADANGKAN	PROFIL UTM CARE		

BAHAGIAN 2 : MAKLUMAT PROJEK

NAMA KUMPULAN	B4NTU
TARIKH KUMPULAN DITUBUHKAN	1/1/2024
NAMA PUSAT TANGGUNGJAWAB	JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
RINGKASAN PROJEK	Profil UTM CARE merupakan inisiatif penting dalam mengumpulkan dan menganalisis maklumat pelajar B40 di UTM. Cabaran sebelum ini ialah kesukaran mengenal pasti pelajar B40 serta ketidakseimbangan dalam penyaluran bantuan. Dengan Profil UTM CARE, universiti dapat meningkatkan keadilan dalam penyaluran bantuan dengan memanfaatkan data yang sistematik. Objektif utama adalah meningkatkan kecekapan pengurusan bantuan, memastikan sokongan yang lebih tepat sasaran kepada pelajar B40. Dengan Profil UTM CARE, universiti dapat memberikan bantuan dengan lebih efisien, meningkatkan kesan sokongan, dan memberikan manfaat yang lebih besar kepada komuniti universiti secara keseluruhan.

BAHAGIAN 3 : TAHAP KESEDIAAN TEKNOLOGI (TRL)

TAHAP KESEDIAAN PROJEK	TRL 6 : Teknologi ditunjukkan dalam persekitaran yang relevan
-------------------------------	---

BAHAGIAN 4 : PERINCIAN

1	<p>ORIGINALITY / KETULENAN Describe the originality of your idea / Terangkan keaslian idea anda</p> <p>Idea PROFIL UTM CARE adalah inisiatif inovatif yang menggabungkan teknologi dan kebijakan untuk menyokong pelajar B40 di UTM. Sistem ini menawarkan pendekatan automasi berpusatkan yang unik dalam pengurusan bantuan kebijakan pelajar. Dengan integrasi teknologi moden, PROFIL UTM CARE memperkenalkan 14 automasi utama untuk mempercepatkan proses pengurusan bantuan kebijakan dan memastikan tugas dilaksanakan dengan cekap dan efisien. Ini termasuk Automasi Email untuk komunikasi peribadi, Automasi Formatting Data untuk kemaskini maklumat, dan Trigger dengan Warna Merah untuk amaran data duplikat. Sistem ini juga melibatkan Kiraan Merit dan Rank, Automasi Jana PROFIL UTM CARE melalui Google Form, serta Statistik Rumusan untuk visualisasi data. Selain itu, Automasi Tukar File memudahkan format data, Direktori Profil menyusun maklumat pelajar, dan Automasi Surat Jemputan menjana surat temuduga. Dengan Analisis Bantuan, Auto Filter, Auto Link Whatsapp, dan Auto Delete untuk pengurusan fail, sistem ini mempercepatkan pengagihan bantuan dan memastikan tiada pelajar yang layak terlepas pandang. PROFIL UTM CARE menyediakan platform yang mudah diakses dan memantau bantuan secara berkesan, menjadikannya solusi menyeluruh dan efisien untuk keperluan kebijakan pelajar.</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/01-ORIGINALITY.pdf</p>
2	<p>PROBLEM STATEMENT / PENYATAAN PERMASALAHAN Define the problem your project addresses / Nyatakan masalah yang ditangani oleh projek anda</p> <p>Ketidakseimbangan dalam pengagihan bantuan kepada pelajar B40, di mana 53.48% pelajar tidak menerima bantuan, manakala 14% menerima lebih dari tiga bantuan. Masalah ini timbul akibat bantuan yang tidak menyeluruh dan proses penyaluran maklumat yang lambat disebabkan oleh kekerapan penaja dan kekurangan sistem yang teratur. Ini menyebabkan ketidakadilan dalam pengagihan dan pembaziran sumber, serta pengurusan bantuan yang tidak cekap. Tanpa sistem yang berkesan, pelajar yang layak mungkin tertinggal, dan penaja berdepan dengan kesukaran dalam memastikan bantuan sampai kepada mereka yang memerlukannya.</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/PENYATAAN-MASALAH-1.pdf</p>
3	<p>TECHNOLOGY/ TEKNOLOGI Explain the technology and potential IP status / Terangkan teknologi dan status harta intelek yang berpotensi</p> <p>PROFIL UTM CARE mengintegrasikan aplikasi Google seperti Google Sheets, Google Apps Script, Google Forms, dan Google Drive untuk mengotomasi pengurusan data bantuan kebijakan. Dengan 14 inovasi utama, sistem ini memudahkan tugas seperti format dan pembersihan data dengan satu klik, menghantar email secara peribadi, dan mengemaskini data secara automatik sebaik sahaja maklumat diterima. Sistem ini memberi amaran jika terdapat data berulang, mengira merit, menjana PROFIL UTM CARE setelah data diterima melalui Google Form, dan menghasilkan statistik rumusan profil. Profil boleh diakses dengan mudah melalui link 'PROFIL' dalam database, dan kekerapan bantuan pelajar juga dipantau secara automatik. Sistem juga menguruskan Google Drive dengan mengemas kini atau menghapus lampiran yang tidak berkaitan.</p> <p>LAMPIRAN :</p>
4	<p>APPLICABILITY / APLIKASI Explain the applicability of your project to the sector / Terangkan kebolehlaksanaan projek anda kepada sektor</p> <p>PROFIL UTM CARE boleh dilaksanakan dengan berkesan dalam jabatan melalui beberapa langkah utama. Pertama, ia melibatkan penggunaan teknologi yang sedia ada, seperti Google Sheets, Google Apps Script, Google Forms, dan Google Drive, untuk automasi proses pengurusan data. Ini mengurangkan beban kerja manual dan mempercepatkan pemprosesan maklumat. Kedua, integrasi dengan sistem sedia ada seperti MyAim memastikan bahawa data pelajar B40 dapat diselaraskan dengan mudah. Selain itu, sistem ini menawarkan kemudahan akses dan pemantauan data secara real-time, memudahkan jabatan untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat terkini. Latihan dan sokongan berterusan akan diberikan kepada kakitangan untuk memastikan penggunaan sistem yang optimum. Dengan pendekatan ini, projek ini bukan sahaja meningkatkan efisiensi, tetapi juga memastikan pengurusan bantuan yang lebih adil dan teratur.</p> <p>LAMPIRAN :</p>
5	<p>INNOVATIVENESS / INOVASI Describe how your project is innovative / Terangkan bagaimana projek anda adalah inovatif</p> <p>Dengan 14 inovasi utama, sistem PROFIL UTM CARE memudahkan tugas pengurusan data bantuan pelajar secara ketara. MenuPlus+ mempercepat format dan pembersihan data dengan satu klik, sementara Automasi Email menghantar mesej peribadi kepada pelajar secara automatik. Automasi Formatting Data mengemas kini maklumat segera selepas penerimaan, dan Trigger dengan Warna Merah memberi amaran jika terdapat data atau profil lebih dari satu. Kiraan Merit dan Rank menyusun senarai mengikut kelayakan secara automatik. Automasi Jana PROFIL UTM CARE menjana profil sebaik maklumat diterima melalui Google Form. Statistik Rumusan menyediakan pandangan interaktif, dan sistem ini menukar file ke format Excel, PDF, atau Sheets dengan satu</p>



	<p>klik. Direktori Profil memudahkan akses maklumat pelajar, Automasi Surat Jemputan menjana surat temubual secara automatik, dan Analisis Bantuan mengautomasikan laporan bantuan. Auto Filter mengeluarkan pelajar bukan B40 dari senarai, Auto Link Whatsapp memudahkan komunikasi, dan Auto Delete menghapuskan fail tidak digunakan dari Google Drive. Inovasi ini mempercepatkan proses, meningkatkan ketepatan, dan memudahkan pengurusan data bantuan pelajar.</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/INNOVATIVENESS-INOVASI.pdf</p>
6	<p>IMPACT / KESAN Describe the impact of your project on the (sector/ university/ state/ national/ international level) Terangkan kesan projek anda kepada (sektor/ university/ negeri/ nasional/ internasional)</p> <p>Automasi Proses Kerja Bantuan Kebajikan mengurangkan masa pengumpulan dan penyediaan data penerima, meningkatkan kecekapan pengurusan laporan, dan menyelaraskan proses dengan lebih cepat dan tepat, dengan 57% daripada proses kerja telah diautomasi.</p> <p>Peningkatan Efisiensi Pengurusan Data sebanyak 50-65% melalui automasi, mempercepatkan proses pengumpulan dan penyediaan data, sekaligus meningkatkan kecekapan dan ketepatan dalam pengurusan maklumat.</p> <p>Menjimatkan masa pengumpulan dan penyediaan data penerima sebanyak 84%, dengan pengurangan dari 25 hari kepada hanya 4 hari melalui automasi, menjadikan proses lebih efisien dan cepat.</p> <p>PROFIL UTM CARE telah menunjukkan keberkesanan dengan mengurangkan peratusan pelajar yang tidak menerima bantuan kebajikan dari 53.48% tahun 2023 kepada 47.21% pada September, penurunan sebanyak 11.73%. HEPA sasaran 100% pelajar B40 akan menerima bantuan</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/IMPAK.pdf</p>
7	<p>TEAMWORK / KERJASAMA PASUKAN Describe the teamwork involved in your project / Terangkan kerjasama yang terlibat dalam projek anda</p> <p>Dalam PROFIL UTM CARE, setiap anggota pasukan memegang peranan penting dan menjalankan tugas tertentu. Mereka bertanggungjawab menyemak dan mengesahkan data, menyediakan dokumen jika diperlukan, dan menguruskan sesi temuduga apabila perlu. Selain itu, mereka juga menghadiri latihan untuk meningkatkan kemahiran penggunaan sistem. Melalui perbincangan berterusan, latihan, dan mesyuarat yang dikoordinasi, setiap ahli pasukan memastikan sistem berfungsi dengan lancar, memberi impak positif, dan sentiasa memberi sumbangan dalam penambahbaikan proses kerja. Kerjasama ini memastikan sistem kebajikan pelajar berjalan dengan efisien dan memenuhi keperluan semua pihak terlibat.</p> <p>LAMPIRAN :</p>
8	<p>POTENTIAL MARKET / KEBOLEHPASARAN Describe the potential market for your project / Terangkan pasaran potensi untuk projek anda</p> <p>PROFIL UTM CARE mempunyai potensi pasaran yang luas, meliputi pelbagai sektor yang memerlukan pengurusan bantuan yang sistematik dan efisien. Di universiti dan institusi pengajian tinggi setaranya, sistem ini dapat mengoptimalkan pengagihan bantuan kepada pelajar yang memerlukan. Organisasi yang menguruskan berkaitan kesejahteraan sosial boleh menggunakan platform ini untuk mempertingkatkan keberkesanan program bantuan mereka. Kementerian Pendidikan dan negeri boleh memanfaatkan sistem ini untuk pemantauan dan sokongan pelajar B40 di seluruh negara. Selain itu, sektor swasta yang terlibat dalam CSR dan penyedia teknologi digital juga boleh menggunakan model ini untuk meningkatkan pengurusan dan automasi bantuan. Dengan keupayaan inovatif dan fleksibilitinya, projek ini berpotensi untuk memberikan impak yang signifikan di pelbagai peringkat. PROFIL UTM CARE mempunyai potensi pasaran yang luas, meliputi pelbagai sektor yang memerlukan pengurusan bantuan yang sistematik dan efisien. Di universiti dan institusi pengajian tinggi setaranya, sistem ini dapat mengoptimalkan pengagihan bantuan kepada pelajar yang memerlukan. Organisasi yang menguruskan berkaitan kesejahteraan sosial boleh menggunakan platform ini untuk mempertingkatkan keberkesanan program bantuan mereka. Kementerian Pendidikan dan negeri boleh memanfaatkan sistem ini untuk pemantauan dan sokongan pelajar B40 di seluruh negara. Selain itu, sektor swasta yang terlibat dalam CSR dan penyedia teknologi digital juga boleh menggunakan model ini untuk meningkatkan pengurusan dan automasi bantuan. Dengan keupayaan inovatif dan fleksibilitinya, projek ini berpotensi untuk memberikan impak yang signifikan di pelbagai peringkat.</p> <p>LAMPIRAN : https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/KEBOLEHPASARAN.pdf</p>
9	<p>COMMERCIALIZATION PLAN / PERANCANGAN PENGKOMERSILAN Outline the commercialization plan for your project / Gariskan rancangan pengkomersialan untuk projek anda</p> <p>PROFIL UTM CARE akan menjadi rujukan utama dalam pembangunan sistem kebajikan pelajar di UTM. Sistem ini akan diintegrasikan ke dalam sistem myAIM untuk menyelaraskan dan memantau bantuan pelajar dengan lebih berkesan. Dengan meningkatkan kecekapan pengurusan data melalui automasi, sistem ini menyelesaikan masalah dalam pengurusan bantuan kebajikan pelajar. ia berpotensi kepada segmen pasaran pendidikan tinggi dan organisasi kebajikan, PROFIL UTM CARE menawarkan impak besar dalam memudahkan pemantauan dan pengagihan bantuan secara menyeluruh.</p>



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BAHAGIAN PENGURUSAN ORGANISASI
JABATAN PENDAFTAR**

Edisi: 0
Pindaan: 0
Tarikh kuat kuasa: 26.11.2023

LAMPIRAN : <https://registrar.utm.my/bpo/wp-content/uploads/sites/387/formidable/62/Whats-Next.pptx.pdf>

PERAKUAN DAN PENGESAHAN PENYERTAAN

PERAKUAN PERMOHONAN

Semua maklumat yang diisi adalah benar, pihak BPO berhak menolak permohonan atau membatalkan tawaran pada bila-bila masa sekiranya keterangan yang dikemukakan adalah tidak benar.

Nama: **SHAMSUL AZLI BIN SHAMSURAY**

Email: shamsulazli@utm.my

Tandatangan & cop:
(Ketua Kumpulan)

Tarikh: 9/11/2024 1:11:46 PM

PENGESAHAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

(Diisi oleh pemilik utama projek)

Saya mengesahkan bahawa projek inovasi ini adalah ***MILIK PENUH PTJ SAYA / ~~MILIK BERSAMA PTJ LAIN.~~**

Nama: **HANIFAH BINTI AHMAD**

Email: hanifah-a@utm.my

Tandatangan & cop:
(Ketua PTJ)

Tarikh: